

# Mahathir bidas ahli2 UMINO ke mahkamah untuk kekal kedudukan

(P)  
KANGAR 14 Mac — Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini membidas anggota - anggota parti itu yang menggunakan proses mahkamah untuk mengekalkan kedudukan mereka dalam parti.

"Anggota - anggota seumpama ini hanya mementingkan diri sendiri daripada kepentingan parti," kata Perdana Menteri dalam perjumpaan dengan para anggota UMNO di Rumah Tetamu di sini.

Beliau berkata walaupun seseorang itu mempunyai hak untuk mengemukakan sesuatu masalah ke mahkamah, tetapi sepatutnya mereka terlebih dahulu menggunakan semua peraturan mengikut perlembagaan parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir

UM 15 MAR 1997  
mensifatkan golongan UMNO itu sebagai telah lupa kepada perjuangan asal parti.

"Yang paling menyedihkan lagi ialah anggota - anggota UMNO itu mendapatkan nasihat dan perkhidmatan dari peguam - peguam yang diketahui menjadi anggota parti pembangkang.

"Kita semua sewajarnya telah sedar bahawa parti-parti pembangkang akan bersedia memberi nasihat dan perkhidmatan guaman kerana tindakan itu diharapkan dapat memecah - belahkan UMNO akhirnya," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa yang penting bukannya kedudukan di peringkat cawangan, bahagian mahupun pusat, tetapi yang lebih penting ialah parti itu sendiri.

Sekiranya mahkamah

memutuskan bahawa mesyuarat UMNO di peringkat cawangan, misalnya, adalah tidak sah, implikasinya ialah mesyuarat peringkat bahagian dan seterusnya perhimpunan agung serta pemilihan pucuk pimpinan juga tidak sah memandangkan mesyuarat - mesyuarat itu disertai oleh perwakilan dari cawangan yang telah pun didapati tidak sah oleh mahkamah.

"UMNO mempunyai beberapa peraturan di peringkat cawangan, bahagian dan perhimpunan agung untuk menyelesaikan sebarang masalah yang tidak perlu diputuskan oleh mahkamah," katanya.

Seandainya setiap anggota UMNO memilih jalan menyelesaikan masalah mereka menerusi proses mahkamah tanpa terlebih dahulu merujuk kepada pera-

turan - peraturan yang disediakan, Perdana Menteri khuatir UMNO tidak akan kekal lama.

Kepada golongan itu, beliau menggesa mereka kembali kepada perjuangan UMNO yang asal yang walaupun menyelamatkan masyarakat Melayu daripada kedudukan yang hina kepada menjadi bangsa yang berjaya memimpin negara Malaysia.

Datuk Sri Dr. Mahathir seterusnya mengingatkan anggota - anggota UMNO agar berwaspada terhadap berbagai - bagai tafsiran agama Islam yang dibawa oleh golongan pembangkang tertentu yang bertujuan untuk melemahkan perjuangan mereka.

Beliau menarik perhatian bahawa walaupun UMNO merujuk tindakan - tindakannya kepada sunnah

dan kitab suci Al-Quran namun pihak berkenaan akan mengeluarkan tafsiran yang lain pula.

"Ini menunjukkan bahawa golongan itu bersedia menggunakan isu agama bukan kerana kebenaran itu sendiri tetapi bagi kepentingan politik mereka," ujarnya.

Beliau menegaskan bahawa setiap usaha kerajaan mengembangkan syiar Islam dibuat bukan kerana politik tetapi bagi kepentingan semua umat Islam di negara ini.

Perdana Menteri mengingatkan bahawa umat Islam merupakan 50 peratus daripada penduduk Malaysia dan setiap langkah hendaklah dibuat bagi mengatasi setiap kelemahan yang mungkin wujud di kalangan mereka.